24.3.2019

KENYATAAN MEDIA
oleh YAB TUAN CHOW KON YEOW
Ketua Menteri Pulau Pinang.

AMARAN CUACA PANAS DAN KERING PULAU PINANG 3: **TEMPOH SIMPANAN EMPANGAN AIR ITAM KINI 48 HARI**

- **Rakyat perlu bantu dengan mengurangkan penggunaan air serta-merta.**
- **PBAPP menjalankan tugas pada tahap amaran tinggi, untuk memastikan kecukupan bekalan air.**
- **Paras air Sungai Muda pada tahap berjaga-jaga iaitu 1.82 meter.**

PULAU PINANG, Ahad, 24.3.2019: Empangan Air Itam mempunyai air mentah yang mencukupi untuk memenuhi keperluan bekalan air di bandar Air Itam, lembah Paya Terubong dan kawasan sekitarnya selama 48 hari lagi.

Pada hari Jumaat (22.3.2019), kapasiti efektif empangan itu ialah 49.1%. Ia berada pada 92.2% pada 1.1.2019. Pendek kata, kapasiti efektif empangan itu menurun sebanyak 43.1% dalam tempoh 81 hari.

Sementara itu, tolok hujan di empangan itu mencatatkan jumlah hujan 247mm untuk tempoh 1.1.2019 - 22.3.2019.

Dalam tempoh yang sama pada 2018, jumlah hujan ialah 498mm (101.6% hujan lebih tinggi). Dalam tempoh yang sama pada 2017, jumlah hujan ialah 510mm (106.5% hujan lebih tinggi).

Pada tahun 2016, ketika fenomena Super El Niño, jumlah hujan dalam tempoh ini adalah 85.7% lebih rendah, pada 133mm. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa kapasiti efektif Empangan Air Dam dicatatkan sebagai 70.4% (tempoh bekalan 69 hari) pada 22.3. 2016.

Ringkasan data utama status Empangan Air Itam tahun ini, berbanding tahun-tahun sebelumnya, ditunjukkan dalam “Jadual A” pada halaman berikutnya:

JADUAL A: **STATUS LAPORAN EMPANGAN AIR ITAM 2016 - 2019**				
Tahun	Kapasiti Efektif 1 JAN (%)	Kapasiti Efektif 22 MAC (%)	Jumlah Hujan 1 JAN – 22 MAC (mm)	Purata pelepasan 1 JAN – 22 MAC (% Kapasiti Efektif)
2019	**92.2%**	**49.1%**	**247mm**	**0.53% sehari**
2018	99.4%	93.9%	498mm	0.07% sehari
2017	90.5%	80.4%	510mm	0.12% sehari
2016	89.3%	70.4%	133mm	0.24% sehari

Data menunjukkan bahawa kedua-dua penyebab utama pengurangan pantas rizab simpanan air mentah Empangan Air Itam tahun ini ialah:

- Cuaca yang panas dan kering melampau (dengan hujan rendah) sejak 1.1.2019.

- Penggunaan air yang tinggi di perbandaran Air Itam, lembah Paya Terubong dan kawasan sekitarnya dalam tempoh 1.1.2019 hingga 22.3.2019.

SILA JIMAT AIR SEKARANG

Sekarang ini, Empangan Air Itam mempunyai air mentah yang mencukupi selama 48 hari sahaja. Jika hujan turun tidak mencukupi, kita mungkin kehabisan air menjelang akhir bulan Mei 2019.

Berikutan senario ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP ingin merayu kepada rakyat di Air Itam dan Paya Terubong untuk jimat air dan mengurangkan penggunaan air harian mereka dengan segera.

Kami menggesa rakyat untuk membantu kami mengurangkan purata pelepasan air harian dari Empangan Air Itam. Sila layari www.pba.com.my untuk tip-tip penjimatan air. Setiap orang perlu jimat air di rumah dan di premis perniagaan mereka.

LANGKAH-LANGKAH KONTINGENSI PBAPP

Sebagai operator bekalan air berlesen Pulau Pinang, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) diberi kuasa untuk melaksanakan langkah-langkah kontingensi berikut:

- Meminimumkan pelepasan air mentah dari Empangan Air Itam, sebaik mungkin, tanpa perlu catuan air.

- Mengepam air sebanyak mungkin dari loji rawatan air yang lain di luar kawasan Air Itam untuk mengurangkan pelepasan harian dari Empangan Air Itam.

- Melaksanakan pembenihan awan jika kapasiti efektif Empangan Air Itam jatuh di bawah 40%.

PARAS AIR SUNGAI MUDA RENDAH

Senario bekalan air di semua kawasan lain di Negeri Pulau Pinang (di Seberang Prai dan di Pulau Pinang) adalah normal pada masa ini.

Pada hari Jumaat (22.3.2019), kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang adalah 70.7% (215 hari). PBAPP dapat mengabstak kira-kira 1,000 MLD air dari Sungai Muda untuk memenuhi lebih 80% permintaan air di Pulau Pinang setiap hari.

Walau bagaimanapun, paras air Sungai Muda telah turun di bawah paras amaran PBAPP iaitu 2.0m selama 42 hari berturut-turut, dari 9.2.2019 hingga 22.3.2019. Paras sungai adalah 1.82m pada 22.3.2019.

Kedah melepaskan air ke Sungai Muda, dari Empangan Muda dan Empangan Beris di Kedah, untuk memenuhi permintaan air mentah di Kedah serta Pulau Pinang. Pada 22.3.2019, kapasiti Empangan Muda dilaporkan pada tahap 49.6%, manakala kapasiti Empangan Beris adalah pada 73.3%.

Walau bagaimanapun, PBAPP bimbang kepada paras rendah Sungai Muda kerana ia adalah sumber air mentah utama Pulau Pinang. Kami akan terus berjaga-jaga kerana PBAPP mengabstrak air dari sungai ini di hilir 14 loji rawatan air Kedah dan 4 muka sauk pengairan.

Terima kasih.

Issued by : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Corporate Communications Unit
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

22.3.2019: Air Itam Dam effective capacity at 49.1%.

22.3.2019: Air Itam Dam effective capacity at 49.1%.

22.3.2019: Air Itam Dam effective capacity at 49.1%.

22.3.2019: Air Itam Dam effective capacity at 49.1%.

22.3.2019: Sungai Muda level at 1.82m at the PBAPP Lahar Tiang Intake.

22.3.2019: Sungai Muda level at 1.82m at the PBAPP Lahar Tiang Intake.

22.3.2019: Sungai Muda level at 1.82m at the PBAPP Lahar Tiang Intake.